

# Pastikan kanak-kanak mendapat pendidikan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BERAKAS**, Selasa, 21 April. - Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahim bin Haji Derus berkata, Akta Perintah Pendidikan Wajib yang dikuatkuasakan pada 14 Zulkaedah 1428 Hijrah bersamaan 24 November 2007 Masihi adalah bagi memastikan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam mendapat pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah sekurang-kurangnya selama sembilan tahun.

Jelasnya, Akta Perintah Pendidikan Wajib tersebut adalah bagi memastikan kanak-kanak warganegara Brunei dan juga yang menetap di negara ini yang telah mencapai umur perskolahan wajib, iaitu dilahirkan pada atau selepas 1 Januari 2002 untuk mendaftar dan belajar di sekolah.

Tegasnya, Akta Perintah tersebut digubal bagi memastikan kanak-kanak yang berumur di antara enam hingga 15 tahun di negara ini menerima

pendidikan rendah dan menengah sama ada di sekolah kerajaan ataupun swasta secara berdaftar rasmi serta menerima pendidikan yang bersesuaian di sekolah.

Awang Haji Abd. Rahim menyatakan perkara tersebut dalam taklimatnya pada Majlis Perjumpaan Mengenai Inisiatif Pendidikan Di Peringkat Rendah bersama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung bagi Dacrah Brunei dan Muara (DBM) anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) yang diadakan di Dewan Teater, Bangunan Baru JDBM, di sini.

Antara yang hadir dalam sesi perjumpaan tersebut ialah Ahli-Ahli Negara Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara; Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pengarah Kenaziran, Dayang Tan Lian-Lian; Pengarah Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Dayang Hajah Aisah binti Haji Mohd. Ali dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan JDBM.

Turut menyampaikan taklimat pada perjumpaan tersebut ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Zaman bin Haji Gapor yang menyentuh mengenai inisiatif Pendidikan Rendah.

Taklimatnya antara lain menyentuh tiga fokus utama antaranya mengenai Aspirasi Wawasan Brunei 2035 - Sasaran PSR 2017, iaitu bagi menjunjung tihah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah beritah menetapkan sasaran bahawa sekurang-kurangnya 90 peratus daripada calon PSR 2017 akan memperoleh Gred A - C.

Menurutnya, bagi pemeriksaan PSR 2015 melalui dapatan-dapatan dan analisis yang dibuat kepada keputusan PSR dan SBE para pelajar pada tahun ini (2015), Kementerian Pendidikan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 74 peratus pelajar akan mencapai Gred A - C.



ANTARA yang hadir, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud Karim dan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim juga sebahagian daripada penghulu dan ketua kampung pada Majlis Perjumpaan Mengenai Inisiatif Pendidikan Di Peringkat Rendah di Dewan Teater, Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Ke arah mencapai sasaran PSR 2017 dan seterusnya, Kementerian Pendidikan, katanya, telah menyusun beberapa usaha untuk digerakkan bagi memperkukuh keberkesanan dan peningkatan prestasi pencapaian pelajaran khususnya di pendidikan rendah yang menumpukan kepada lima bidang fokus utama, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran; Kepimpinan; Akauntabiliti dan Pengurusan Prestasi; Kehadiran dan Faktor Sosial serta Pemboleh Berjalin.

Juga disentuh ialah mengenai penguatkuasaan kehadiran pelajar-pelajar ke sekolah dan penggunaan Standard Operating Procedure (SOP) untuk menangani ketidakhadiran di peringkat sekolah serta menggunakan perantaraan melalui Akta Pendidikan Wajib.

Selain daripada itu, salah satu usaha Kementerian Pendidikan ialah penggunaan Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator - KPI) bagi kehadiran pelajar di setiap sekolah.

KPI yang diperkenalkan akan bertindak menjadi satu panduan

dan mekanisme petunjuk kepada pihak sekolah dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan pemantauan termasuk memperkuh usaha untuk melibat sama para ibu bapa, pemimpin dan ahli masyarakat setempat bagi memastikan kehadiran kanak-kanak berseskolah yang konsisten.

Sesi perjumpaan tersebut merupakan usaha berterusan Kementerian Pendidikan sebagai wadah interaksi dua hala yang positif di antara Kementerian tersebut bersama pemimpin masyarakat dalam mengongsikan maklumat-maklumat mengenai perkembangan dan perancangan Kementerian Pendidikan khususnya mengenai Akta Pendidikan Wajib dan Pendidikan Rendah.

Perjumpaan seumpama itu juga adalah salah satu usaha Kementerian Pendidikan dalam memasyarakatkan mengenai inisiatif-inisiatif pendidikan di peringkat rendah ke arah usaha menuju Wawasan 2035, selain sebagai usaha untuk mensosialisasikan sasaran PSR.

Sehubungan itu, beberapa siri

taklimat juga diadakan mengenai Akta Pendidikan Wajib dan Inisiatif Pendidikan Rendah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kehadiran di sekolah dan keutamaan kerjasama serta keterlibatan pemimpin masyarakat dan peranan ibu bapa melalui persatuan PIBG.

Oleh demikian, peranan para penghulu dan ketua kampung bagi sama-sama membantu menjayakan inisiatif ini adalah dengan menekankan aspek persekolahan dan kedatangan para pelajar ke sekolah kepada anak-anak buah kampung semasa sesi-sesi muzakarah, selain berkomunikasi secara konsisten dengan pihak sekolah bagi mengikuti perkembangan serta inisiatif yang akan dan telah dilaksanakan dan mengenal pasti ruang-ruang yang boleh dimanfaatkan melalui sokongan masyarakat setempat serta mengukuhkan peranan Majlis Perundingan Kampung dalam sama-sama memupuk nilai-nilai kepepatan pendidikan dan kehadiran ke sekolah.



**PEMANGKU** Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahim bin Haji Derus semasa menyampaikan taklimatnya pada Majlis Perjumpaan Mengenai Inisiatif Pendidikan Di Peringkat Rendah bersama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung bagi Daerah Brunei Muara di Dewan Teater, Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

## UNISSA dan DIU meterai kerjasama akademik

Berita dan Foto :

Ihsan Unit Perhubungan Awam dan Antarabangsa UNISSA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menempa satu lagi sejarah dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Daffodil International University (DIU), Bangladesh yang berlangsung di Bilik Senat, UNISSA.

Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal, sementara pihak DIU ditandatangani oleh Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah universiti berkenaan, Md. Sabur Khan.

Dalam MoU tersebut kedua-dua buah universiti bersetuju menjalin hubungan kerjasama dalam bidang akademik dan program mobiliti pelajar dalam bidang-bidang tertentu serta lain-lain bidang yang boleh diperluaskan dari semasa ke semasa.

DIU yang terletak di tengah-tengah bandar Dhaka, merupakan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf melalui penilaian bebas kerajaan sebagai salah

sebuah universiti gred teratas di Bangladesh. Universiti ini merupakan sebuah universiti swasta terkenal yang diasaskan oleh Kumpulan Daffodil dengan kelulusan Kementerian Pendidikan, Bangladesh di bawah Akta Universiti Swasta Tahun 1992 dan telah ditubuhkan pada 24 Januari 2002.

Sehingga kini, DIU menawarkan 24 Program Ijazah Sarjana Muda dan 12 Program Sarjana di bawah lima buah fakulti, termasuk Fakulti Perniagaan dan Ekonomi. Antara program yang ditawarkan di bawah Fakulti Perniagaan dan Ekonomi tersebut ialah Program Sarjana Muda Pembangunan Keusahawanan (Bachelor of Entrepreneurship Development - BED).

Jumlah pelajar yang berdaftar di DIU pada masa ini melebihi 15,000 orang yang sedang mengikuti program pengajian dalam pelbagai bidang.

Antara strategi DIU ialah untuk menjalin kerjasama yang bermanfaat di peringkat antarabangsa

dalam membangunkan program pertukaran akademik, penyelidikan ilmiah, budaya dan teknikal. Kini DIU telah mempunyai jaringan kerjasama yang begitu aktif dengan 57 universiti di seluruh dunia dan 24 rakan industri.

Pelbagai program kerjasama dalam bidang akademik dan bukan akademik di antara dua buah universiti dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dengan termeterainya MoU ini.

Dalam hal ini, Pengerusi DIU, Md. Sabur Khan, menawarkan kesediaan pihak DIU untuk menerima pelajar-pelajar UNISSA bagi mengikuti Program Pembangunan Keusahawanan yang ditawarkan di DIU di bawah program pertukaran pelajar antarabangsa bagi mengikuti latihan industri selama satu semester atau program pengajian di luar negara selama dua semester (satu tahun akademik) dengan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak DIU.

Program Pembangunan Keusahawanan tersebut bertujuan melahirkan usahawan yang akan mewujudkan pekerjaan sendiri dan bukan mencari pekerjaan, bahkan akan menyediakan pekerjaan kepada orang



**HADIR** menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal, sementara pihak DIU ditandatangani oleh Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah universiti berkenaan, Md. Sabur Khan yang berlangsung di Bilik Senat, UNISSA.

lain.

UNISSA akan terus komited meluaskan jaringan kerjasama strategik dengan institusi-institusi pengajian tinggi antarabangsa dalam bidang akademik dan penyelidikan agar prestasi dan pencapaian UNISSA setara dengan universiti ternama di luar negara.

Di samping itu, UNISSA juga berhasrat memberikan pendedahan dalam pembangunan kemahiran keusahawanan, khususnya bagi pelajar yang mengikuti program-program di bawah Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (Faculty of Business and

Management Sciences) di UNISSA untuk memastikan graduan yang dilahirkan berkualiti dan mampu bersaing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar dan kompetitif pada hari ini.

UNISSA sejak penubuhannya pada 11 Zulhijah 1427 Hijrah / 1 Januari 2007 Masihi telah berjaya secara intensif menjalin hubungan kerjasama dengan universiti-universiti serantau dan antarabangsa yang dikukuhkan lagi melalui penandatanganan MoU dan ia sekali gus telah menaikkan reputasi UNISSA di persada antarabangsa.